

## **BAB V**

### **ANALISIS DATA**

#### **5.1. Pengenalan.**

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data dan huraian yang diperolehi daripada responden berdasarkan soalan soal selidik dan soalan ujian yang telah dijalankan. Dapatan kajian dibentangkan mengikut bahagian-bahagian tertentu yang telah ditetapkan dalam soalan kajian.

#### **5.2. Analisis Soal Selidik.**

Analisis soal selidik dilakukan berdasarkan soalan yang telah dijalankan. Berdasarkan soalan tersebut analisis terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama untuk mendapatkan data mengenai latar belakang responden, manakala bahagian kedua untuk mendapatkan data mengenai proses pembelajaran dan pengajaran pelajaran sarf bahasa Arab.


##### **5.2.1. Latar Belakang Responden.**

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian mengenai latar belakang responden yang mengikuti pengajian Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) terhadap pengajian sarf

bahasa Arab berdasarkan jawapan soal selidik dan juga pandangan responden. Sebanyak 5 soalan telah dibentuk untuk mendapatkan data mengenai latar belakang responden.

### 5.2.1.1. Responden Berdasarkan Jantina.

Bilangan responden berdasarkan jantina dalam kajian ini seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.1: Graf Responden Berdasarkan Jantina.**

Rajah 5.1 graf menunjukkan latar belakang responden berdasarkan jantina dalam kajian yang dijalankan. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 46 responden (46%) adalah pelajar lelaki dan 54 responden (54%) adalah pelajar perempuan. Bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki kerana antara empat buah sekolah yang dijalankan kajian tersebut terdapat sebuah sekolah kesemua pelajar yang mengikuti pengajian Sijil Tinggi Agama adalah para pelajar perempuan iaitu di sekolah Raja Perempuan Taayah. Kesemua responden dalam kajian ini iaitu seramai 100 orang pelajar adalah berumur 18 tahun.

### **5.2.1.2. Sumber Dorongan.**

Sumber dorongan responden dalam melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia dapat dijelaskan berdasarkan graf di bawah.



**Rajah 5.2 Graf Sumber Dorongan Responden.**

Berdasarkan rajah 5.2 graf menunjukkan seramai 46 responden (46%) menyatakan bahawa sumber dorongan daripada ibu bapa, 5 responden (5%) menyatakan sumber dorongan daripada guru-guru, 3 responden (3%) menyatakan sumber dorongan daripada rakan-rakan dan 46 responden (46%) menyatakan sumber dorongan adalah daripada keinginan diri sendiri. Sumber dorongan ibu bapa dan sumber dorongan daripada diri sendiri merupakan sumber dorongan yang popular dalam kalangan responden. Kedua-dua sumber dorongan tersebut mencatatkan bilangan yang sama, iaitu masing-masing mendapat 46 responden (46%).


### **Perbandingan Sumber Dorongan Antara Jantina.**

Terdapat sedikit perbezaan antara sumber dorongan antara responden lelaki dan responden perempuan berdasarkan sumber dorongan dalam melanjutkan pengajian ke peringkat STAM.

Perbezaan tersebut seperti yang dijelaskan dalam jadual dan graf berikut;

**Rajah 5.3 Jadual Perbandingan Sumber Dorongan Antara Jantina.**

		Sumber dorongan				Jumlah
		Ibu Bapa	Guru	Kawan-kawan	Diri Sendiri	
Jantina	Lelaki	19	1	2	24	46
	Perempuan	27	4	1	22	56
Jumlah		46	5	3	46	100




**Rajah 5.4 Graf Sumber Dorongan Berdasarkan Jantina.**

Rajah 5.4 graf menunjukkan perbandingan sumber dorongan antara lelaki dan perempuan. Bagi pelajar perempuan sumber dorongan yang paling banyak ialah daripada ibu bapa iaitu sebanyak 27 pelajar daripada 54 orang pelajar. Bilangan tersebut ialah 50 peratus daripada jumlah keseluruhan para pelajar perempuan. Para pelajar lelaki yang memilih sumber dorongan dari pada ibu bapa ialah seramai 19 orang. Manakala bagi para pelajar lelaki sumber dorongan yang tertinggi ialah memilih daripada diri sendiri iaitu sebanyak 24 orang pelajar daripada keseluruhan bilangan responden lelaki iaitu 46 orang pelajar. Bilangan tersebut ialah 52 peratus daripada jumlah keseluruhan para pelajar lelaki. Para pelajar perempuan yang memilih sumber dorongan daripada diri sendiri ialah seramai 22 orang. Sumber dorongan daripada ibu bapa dan sumber dorongan daripada diri sendiri merupakan sumber dorongan yang sangat popular bagi para pelajar. Manakala sumber dorongan daripada para guru terdapat lima responden yang menyatakan sumber dorongan tersebut. Sumber dorongan kawan-kawan merupakan sumber dorongan yang sangat sedikit, iaitu 3 orang responden sahaja yang memilih sumber dorongan tersebut.

### **5.2.1.3. Mula Mempelajari Bahasa Arab.**

Berdasarkan jawapan responden mengenai mula mempelajari bahasa Arab seperti yang dinyatakan dalam graf berikut;




**Rajah 5.5: Graf Mempelajari Bahasa Arab.**

Rajah 5.5 graf menunjukkan seramai 76 responden (76%) menyatakan bahawa mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah. Manakala 20 responden (20%) menyatakan bahawa mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah menengah rendah dan 4 responden (4%) menyatakan bahawa mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah menengah atas. Berdasarkan graf tersebut juga mendapati bahawa kebanyakan responden yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah para pelajar yang telah mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah iaitu sebanyak 76 peratus daripada keseluruhan bilangan responden.

#### **5.2.1.4. Pencapaian Subjek Bahasa Arab Dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).**

Pencapaian subjek bahasa Arab responden dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan graf berikut;



**Rajah 5.6 Graf Pencapaian Bahasa Arab.**

Rajah 5.6 graf menunjukkan latar belakang pencapaian responden dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi mendapatkan data pencapaian responden, penulis telah menyediakan satu soalan soal selidik. Dalam soalan tersebut penulis telah menyediakan empat skala, iaitu: pertama cemerlang dengan skala (1A dan 2A). Kedua kepujian dengan skala (3B, 4B, 5C dan 6C). Ketiga lulus dengan skala (7D dan 8E). Manakala yang keempat ialah gagal dengan skala (9F). Skala ini bertepatan seperti yang dinyatakan dalam sijil SPM.


Berdasarkan graf tersebut sebanyak 21 responden (21%) mendapat cemerlang dalam peperiksaan SPM. Seramai 66 responden (66%) mendapat keputusan kepujian dalam peperiksaan SPM. Responden yang mendapat kepujian dalam peperiksaan SPM merupakan yang paling ramai. Manakala responden yang mendapat keputusan lulus dalam peperiksaan SPM hanya 13 responden (13%) sahaja.

## **Hubungkait Mula Mempelajari Bahasa Arab Dengan Pencapaian.**

Terdapat hubungkait antara mula mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas. Hubung kait tersebut seperti yang dijelaskan dalam jadual dan graf berikut;

**Rajah 5.7: Jadual Hubungkait Mula mempelajari Bahasa Arab dengan Pencapaian.**

Mula Mempelajari Bahasa Arab		Pencapaian Bahasa Arab			Jumlah
		Cemerlang	Kepujian	Lulus	
Sekolah Rendah	17	52	7	76	
Sekolah Menengah Rendah	4	10	6	20	
Sekolah Menengah Atas	0	4	0	4	
Jumlah	21	66	13	100	



**Rajah 5.8: Graf Hubungkait Mula Mempelajari Bahasa Arab Dengan Pencapaian.**

Rajah 5.8 graf menunjukkan hubungkait antara mula mempelajari bahasa Arab dengan pencapaian dalam peperiksaan SPM. Seramai 17 responden yang mula mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah rendah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Terdapat 4 responden dalam kajian ini mendapat keputusan cemerlang yang mula mempelajari bahasa Arab ketika di sekolah menengah rendah. Tidak terdapat responden yang memulakan pengajian bahasa Arab di peringkat sekolah menengah atas mendapat keputusan cemerlang. Kesemua responden yang mendapat keputusan cemerlang ialah sebanyak 21 orang.

Bilangan responden yang mendapat keputusan kepujian dalam peperiksaan SPM merupakan jumlah yang terbesar iaitu seramai 66 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 52 orang pelajar telah mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah. Manakala 10 orang pelajar yang mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah menengah rendah dan selebihnya iaitu 4 orang pelajar yang mula mempelajari bahasa Arab semasa sekolah menengah atas dan hanya 4 responden sahaja dalam kajian ini yang mula mempelajari bahasa Arab bermula semasa di sekolah menengah atas dan kesemuanya mendapat keputusan kepujian dalam peperiksaan SPM.


Adapun bagi responden yang mendapat keputusan lulus dalam peperiksaan SPM terdiri daripada 6 orang pelajar yang mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah dan 5 orang pelajar yang mula mempelajari bahasa Arab semasa sekolah menengah rendah.

### **5.2.2. Pengajaran dan Pembelajaran.**

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian mengenai proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pengajian sarf berdasarkan jawapan soal selidik dan juga pandangan responden. Sebanyak 13 soalan telah dibentuk untuk mengenal pasti pandangan pelajar mengenai proses pengajaran dan pemelajaran sarf bahasa Arab.

#### **5.2.2.1. Minat Pelajar Terhadap Pengajian Sarf.**

Tahap minat responden terhadap pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.9: Graf Menunjukkan Minat Pelajar Terhadap Pengajian Sarf.**

Rajah 5.9 graf menunjukkan bahawa seramai 27 responden (27%) menyatakan sangat meminati terhadap pengajian sarf dan 68 responden (68%) menyatakan meminati pengajian sarf. Manakala responden yang menyatakan tidak meminati pengajian sarf bahasa Arab adalah 5 responden (5%) sahaja. Berdasarkan graf tersebut menunjukkan bahawa minat responden terhadap pelajaran sarf adalah sangat baik, melainkan 5% daripada kesemua responden yang menyatakan tidak meminati pelajaran sarf bahasa

Arab. Tidak terdapat responden yang menyatakan sangat tidak meminati terhadap pelajaran sarf. Walau bagaimanapun menurut pemerhatian penulis semasa proses pemelajaran mendapat terdapat juga responden yang menunjukkan sikap seperti tidak meminati terhadap pelajaran sarf.

### 5.2.2.2. Minat Terhadap Tajuk *Isytiqa:q* Dan *Af‘al Mazi:dat*.

Tahap minat responden terhadap tajuk *istiqa:q* dan *af‘al mazi:dat* dalam pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;



**Rajah 5.10: Graf Minat Terhadap Perbahasa *Isytiqa:q* Dan *Af‘al Mazi:dat*.**

Rajah 5.10 graf menunjukkan tahap minat pelajar terhadap perbahasa *isytiqa:q* dan *af‘al mazi:dat* dalam pelajaran sarf bahasa Arab. Terdapat 6 responden (6%) menyatakan sangat meminati perbahasan *isytiqa:q* dan *af‘al mazi:dat* dan sebanyak 77 responden (77%) menyatakan meminati, manakala selebihnya iaitu sebanyak 17 responden (17%) menyatakan tidak meminati perbahasan *isytiqa:q* dan *af‘al mazi:dat*. Berdasarkan graf tersebut juga, bahawa kebanyakan responden menyambut baik dan seronok terhadap perbahasan *isytiqa:q* dan *af‘al mazi:dat*, hanya tujuh belas peratus daripada ke semua


responden yang menyatakan tidak meminati perbahasan *isytixa:q* dan *af'al mazi:dat*.

Tidak terdapat responden yang menyatakan sangat tidak meminati terhadap tajuk *istiqa:q* dan *af'al mazi:dat*.

Walaupun kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka meminati terhadap tajuk *istiqa:q* dan *af'al mazi:dat* dalam pelajaran sarf bahasa Arab, namun penguasaan mereka berdasarkan soalan ujian yang telah dijalankan menunjukkan masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki.

### **5.2.2.3. Reaksi Pelajar Terhadap kerumitan Kaedah-Kaedah Sarf Bahasa Arab.**

Berdasarkan reaksi pelajar terhadap kaedah-kaedah sarf bahasa Arab seperti yang dinyatakan dalam graf berikut;




**Rajah 5.11: Graf Reaksi Pelajar Terhadap kerumitan Kaedah-Kaedah Sarf Bahasa Arab.**

Rajah 5.11 graf menunjukkan reaksi pelajar terhadap kaedah-kaedah sarf bahasa Arab. Terdapat 21 responden (21%) menyatakan sangat setuju bahawa kaedah sarf bahasa Arab sangat banyak dan rumit. Seramai 66 responden (66%) menyatakan setuju dengan

kenyataan tersebut, manakala terdapat 13 responden (13%) tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kebanyakan responden menyatakan kaedah sarf bahasa Arab banyak dan rumit.

#### **5.2.2.4. Silibus Pelajaran Sarf Bahasa Arab.**

Pandangan responden terhadap silibus pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.12: Graf Pandangan Pelajar Terhadap Silibus.**

Rajah 5.12 graf menunjukkan sebanyak 40 responden (40%) menyatakan bahawa silibus pelajaran sarf membebarkan. Adapun responden yang menyatakan bahawa silibus pelajaran sarf tidak membebarkan lebih ramai iaitu sebanyak 55 responden (55%), manakala selebihnya iaitu 5 responden (5%) menyatakan sangat tidak membebarkan. Berdasarkan jawapan responden menunjukkan bahawa silibus pelajaran sarf dalam pengajian mereka adalah tidak membebarkan. Sebanyak 55 responden menyatakan tidak membebarkan ditambah pula 5 responden menyatakan sangat tidak

membebankan walaupun rajah 4.11 menunjukkan kebanyakan responden menyatakan kaedah sarf bahasa Arab banyak dan rumit.

#### **5.2.2.5. Penerangan Guru Dalam Pengajaran Sarf Bahasa Arab.**

Pandangan responden terhadap penerangan guru dalam pengajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.13: Graf Penerangan Guru Dalam Pengajara Sarf Bahasa Arab.**

Rajah 5.13 graf menunjukkan pandangan pelajar terhadap pengajaran dan pemelajaran sarf iaitu penjelasan guru semasa proses pemelajaran di dalam kelas. Sebanyak 17 responden (17%) menyatakan bahawa penjelasan guru sangat jelas. Terdapat 59 responden (59%) menyatakan bahawa penjelasan guru jelas. Manakala yang menyatakan penjelasan guru kurang jelas sebanyak 24 responden (24%). Kebanyakan responden berpuas hari terhadap penjelasan dan penerangan yang diberikan oleh guru yang mengajar pelajaran sarf bahasa Arab.

### **5.2.2.6. Penggunaan Alat Bantu Mengajar.**

Pandangan responden terhadap penggunaan alat bantu mengajar seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.14: Graf Penggunaan Alat Bantu Mengajar.**

Rajah 5.14 graf menunjukkan penggunaan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru yang mengajar pelajaran sarf. Bilangan responden yang menyatakan penggunaan alat bantu mengajar sangat baik adalah 10 responden (10%). Adapun yang menyatakan penggunaan alat bantu mengajar baik merupakan bilangan yang sangat ramai iaitu sebanyak 77 responden (77%). Manakala yang menyatakan lemah hanya 8 responden (8%) dan terdapat juga responden yang menyatakan penggunaan alat bantu mengajar adalah sangat lemah, walau bagaimanapun bilangannya sangat sedikit iaitu 5 responden (5%) sahaja.

Tetapi, menurut pemerhatian penulis semasa proses pemelajaran dijalankan mendapatkan bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru semasa mengajar pelajaran sarf adalah sangat lemah. Penulis mendapati guru hanya mengajar dengan membaca teks yang disediakan dan menulis pada papan tulis sahaja.

### **5.2.2.7. Kekurangan Masa Yang Diperuntukan Untuk Pembelajaran Sarf Bahasa Arab.**

Berdasarkan tindak balas daripada responden mengenai masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.15: Graf Kekurangan Masa Yang Diperuntukkan Untuk Pembelajaran Sarf Bahasa Arab.**

Rajah 5.15 graf menunjukkan bahawa terdapat 10 responden (10%) menyatakan sangat setuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk pengajaran sarf tidak mencukupi. Manakala 55 responden (55%) menyatakan bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk pengajaran sarf tidak mencukupi. Walau bagaimanapun terdapat 35 responden (35%) menyatakan tidak bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk pengajaran sarf tidak mencukupi.

### **5.2.2.8. Masa Yang Diperuntukkan Untuk Mengulangkaji.**

Hasil tindak balas daripada responden mengenai masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.16: Graf Masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji.**

Rajah 5.16 graf menunjukkan masa yang diperuntukan oleh para pelajar untuk mengulangkaji pelajaran sarf dalam seminggu. Berdasarkan graf tersebut sebanyak 33 responden (33%) menyatakan bahawa mereka mengulangkaji pelajaran sarf kurang satu jam dalam seminggu. Manakala yang mengulang kaji satu hingga dua jam seminggu merupakan bilangan yang tertinggi iaitu 42 responden (42%). Sebanyak 19 responden (19%) menyatakan mengulangkaji tiga hingga empat jam seminggu. Terdapat juga responden yang mengulangkaji lebih empat jam seminggu tetapi bilangannya amat sedikit iaitu 6 responden (6%) sahaja.

#### **5.2.2.9. Kekurangan Buku Rujukan Di Perpustakaan Sekolah.**

Pandangan responden terhadap buku rujukan pelajaran sarf bahasa Arab di perpustakaan sekolah tempat mereka belajar seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.17: Graf Kekurangan Buku Rujukan Di Perpustaan Sekolah.**

Rajah 5.17 graf menunjukkan bahawa terdapat 27 responden (27%) menyatakan sangat setuju bahawa buku rujukan tentang pelajaran sarf di perpustakaan sangat sedikit. Sebanyak 42 responden (42%) bersetuju bahawa buku rujukan tentang pelajaran sarf di perpustakaan sangat sedikit. Manakala 30 responden (30%) menyatakan tidak setuju bahawa buku rujukan tentang pelajaran sarf di perpustakaan sangat sedikit. Terdapat juga seorang responden yang menyatakan sangat tidak setuju bahawa buku rujukan tentang pelajaran sarf di perpustakaan sangat sedikit. Secara keseluruhannya, kebanyakan responden menyatakan buku rujukan untuk pelajaran sarf kurang mencukupi.

#### **5.2.2.10. Kekerapan Pelajar Berbincang Dengan Rakan-Rakan.**

Reaksi responden terhadap kekerapan mereka melakukan perbincangan dengan rakan-rakan terhadap pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.18: Graf Kekerapan Pelajar berbincang dengan rakan-rakan.**

Rajah 5.18 graf menunjukkan kekerapan pelajar berbincang dengan rakan-rakan. Berdasarkan graf tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 44 responden (44%) berbincang setiap kali selesai pembelajaran. Sebanyak 21 responden (21%) berbincang bersama rasa seminggu sekali mengenai pelajaran sarf. Hanya 5 responden (5%) yang menyatakan berbincang sebulan sekali. Ramai juga responden yang membuat perbincangan mengenai pengajian sarf ketika hendak menghadapi peperiksaan sahaja iaitu sebanyak 27 responden (27%). Terdapat juga responden yang tidak membuat perbincangan terhadap pengajian sarf tetapi bilangannya amat sedikit iaitu 3 responden sahaja.

#### **5.2.2.11. Sikap Pelajar Terhadap Membuat Nota Atau Ringkasan.**

Reaksi responden terhadap kekerapan mereka melakukan perbincangan dengan rakan-rakan terhadap pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.19: Graf Sikap Pelajar Terhadap Membuat Nota Atau Ringkasan.**

Rajah 5.19 graf menunjukkan sikap pelajar terhadap membuat nota atau ringkasan terhadap pelajaran sarf untuk memudahkan pelajar memahami, mengingati dan menghafal pelajaran sarf bahasa Arab. Berdasarkan graf tersebut jelas manunjukkan bahawa sebanyak 45 responden (45%) membuat nota atau ringkasan terhadap pelajaran sarf setiap kali selesai pembelajaran. Sebanyak 22 responden (22%) menyatakan membuat nota atau ringkasan terhadap pelajaran sarf seminggu sekali. Adapun yang membuat nota atau ringkasan terhadap pelajaran sarf sebulan sekali terdapat 10 responden (10%). Manakala yang membuat nota atau ringkasan sebelum menghadapi peperiksaan terdapat 14 responden (14%). Terdapat juga responden yang tidak membuat nota atau ringkasan iaitu sebanyak 9 responden (9%) sahaja. Berdasarkan jawapan responden menunjukkan bahawa kebanyakan responden membuat nota atau ringkasan terhadap pelajaran sarf bahasa Arab. Berdasarkan graf tersebut, kebanyakan yang membuat nota atau ringkasan ialah responden yang menyatakan melakukan setiap selesai pembelajaran dan yang menyatakan melakukan seminggu sekali iaitu ketika mengulang kaji pelajaran sarf yang diperuntukan seminggu sekali.

### **5.2.2.12. Tahap Penguasaan Responden Terhadap Pelajaran Sarf Bahasa Arab.**

Hasil tindak balas daripada responden mengenai tahap penguasaan responden terhadap pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;




**Rajah 5.20: Graf Penguasaan Responden Terhadap Pelajaran Sarf.**

Rajah 5.20 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pelajaran sarf bahasa Arab. Sebanyak 56 responden (56%) menyatakan tahap penguasaan mereka ialah baik. Manakala 42 responden (42%) menyatakan tahap penguasaan mereka adalah lemah, dan terdapat juga 2 responden (2%) yang menyatakan tahap penguasaan mereka adalah sangat lemah. Kebanyakan responden menyatakan bahawa penguasaan mereka terhadap pelajaran sarf adalah baik.

### **5.2.2.13. Pencapaian Responden Dalam Pelajaran Sarf Bahasa Arab.**

Hasil tindak balas daripada responden mengenai pencapaian responden dalam pelajaran sarf bahasa Arab seperti yang dijelaskan dalam graf berikut;



**Rajah 5.21: Graf Respon Pelajar Terhadap Pencapaian Sarf Bahasa Arab.**

Rajah 5.21 graf menunjukkan respon pelajar terhadap pencapaian sarf bahasa Arab. Terdapat 8 responden (8%) yang mendapat markah antara 80% hingga 100% dalam pelajaran sarf. Sebanyak 45 responden (45%) menyatakan mendapat markah antara 60% hingga 79% dalam pelajaran sarf. Sebanyak 42 responden (42%) menyatakan mendapat markah antara 40% hingga 59% dalam pelajaran sarf. Terdapat juga 5 responden (5%) menyatakan mendapat markah kurang daripada 40% dalam pelajaran sarf.

### **5.3. Analisis Ujian.**


Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu penguasaan pelajar terhadap terhadap imbuhan kata bahasa Arab. Sebanyak enam puluh tujuh soalan telah dibentuk yang terdiri daripada lima bahagian yang merangkumi imbuhan kata kerja bahasa Arab dan juga imbuhan kata nama bahasa Arab. Lima bahagian tersebut ialah seperti berikut;

#### **5.3.1. Pola Kata Kerja Berimbuhan.**

Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap pola kata kerja berimbuhan. Sebanyak sepuluh kata kerja berimbuhan yang terdiri daripada pelbagai bentuk pola kata kerja berimbuhan telah dipilih bagi menguji keupayaan responden mengenal pasti dan menentukan pola kata kerja berimbuhan. Kata-kata kerja tersebut ialah;

### 5.3.1.1. Kata Kerja سَجْلَنَ.

Kata kerja سَجْلَنَ menggunakan pola kata فَعْلَنْ iaitu pengimbuhan gandaan huruf pada ‘ain fi‘il. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.22: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja سَجْلَنَ.

Rajah 5.22 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja سَجْلَنَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 91 responden (91%) menjawab dengan betul, manakala 9 responden (9%) memberikan jawapan yang salah. Antara bentuk jawapan yang salah diberikan ialah tidak meletakkan tanda gandaan huruf pada ‘ain fi‘il. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden kurang memahami bahawa tanda gandaan huruf pada ‘ain fi‘il merupakan huruf imbuhan.

### 5.3.1.2. Kata Kerja گافح.

Kata kerja گافح menggunakan pola kata فاعل iaitu pengimbuhan huruf alif. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.23: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja گافح.

Rajah 5.23 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja گافح. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 86 responden (86%) menjawab dengan betul, terdapat 13 responden (13%) yang menjawab salah baris, manakala 1 responden (1%) memberikan jawapan yang salah. Bentuk jawapan salah baris yang diberikan ialah meletakkan baris ‘ain fi‘il berbaris bawah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden keliru dan dipengaruhi dengan pola kata bagi kata nama pelaku perbuatan iaitu فاعل.

### 5.3.1.3. Kata Kerja تکرر.

Kata kerja تکرر menggunakan pola kata تفعّل iaitu pengimbuhan huruf ta:' dan gandaan huruf pada 'ain fi'il. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.24: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja تکرر.

Rajah 5.24 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja تکرر. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 80 responden (80%) menjawab dengan betul, terdapat 7 responden (7%) yang menjawab salah baris, manakala 12 responden (12%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 1 responden tidak menjawab. Antara bentuk jawapan salah baris yang diberikan ialah meletakkan baris dhammah pada la:m fi'il. Kesilapan tersebut berkemungkinan terpengaruh dengan pola kata mudhari'. Kebanyakan bentuk jawapan salah pola kata yang diberikan ialah tidak meletakkan tanda gandaan huruf pada 'ain fi'il. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden kurang memahami bahawa tanda gandaan huruf pada 'ain fi'il merupakan huruf imbuhan.

#### 5.3.1.4. Kata Kerja انگسٹر.

Kata kerja انگسٹر menggunakan pola kata انفعان iaitu pengimbuhan huruf alif dan nu:n.

Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.25: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja انگسٹر.

Rajah 5.25 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja انگسٹر. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 90 responden (90%) menjawab dengan betul, terdapat 2 responden (2%) yang menjawab salah baris, manakala 8 responden (8%) memberikan jawapan yang salah. Terdapat pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan. Berdasarkan jawapan-jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden tidak menguasai terhadap pola kata kerja tersebut.

### 5.3.1.5. Kata Kerja انتظر.

Kata kerja انتظر menggunakan pola kata افتَعَل iaitu pengimbuhan huruf alif dan ta:’.

Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.26: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja انتظر.

Rajah 5.26 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja انتظر. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 52 responden (52%) menjawab dengan betul, terdapat 6 responden (6%) yang menjawab salah baris, manakala 42 responden (42%) memberikan jawapan yang salah. Kebanyakan jawapan yang salah diberikan oleh responden ialah memberikan pola kata افتَعَل . Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden keliru dengan huruf nu:n kata asal pada perkataan tersebut dan responden tidak dapat mengenal pasti perkataan asal dan huruf tambahan pada perkataan tersebut.

### 5.3.1.6. Kata Kerja اِبْيَضٌ.

Kata kerja اِبْيَضٌ menggunakan pola kata اِفْعَلٌ iaitu pengimbuhan huruf alif dan gandaan huruf pada la:m fi'il. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.27: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja اِبْيَضٌ.

Rajah 5.27 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja اِبْيَضٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 63 responden (63%) menjawab dengan betul, terdapat 17 responden (17%) yang menjawab salah baris, manakala 14 responden (14%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 6 responden (6%) tidak menjawab. Antara bentuk kesilapan baris yang dilakukan ialah huruf alif berbaris atas. Manakala bentuk jawapan yang salah, kebanyakan responden tidak meletakkan tanda gandaan huruf pada huruf la:m fi'il. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat responden yang kurang memahami bahawa tanda gandaan huruf pada huruf la:m fi'il merupakan huruf imbuhan.

### 5.3.1.7. Kata Kerja تَضَارِبَ.

Kata kerja تَضَارِبَ menggunakan pola kata تَعَالَى iaitu pengimbuhan huruf ta:' dan alif.

Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.28: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja تَضَارِبَ.

Rajah 5.28 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja تَضَارِبَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 80 responden (80%) menjawab dengan betul, terdapat 17 responden (17%) yang menjawab salah baris, manakala 3 responden (3%) memberikan jawapan yang salah. Kebanyakan kesilapan baris yang diberikan ialah meletakkan baris pada huruf 'ain fi'il berbaris bawah dan meletakkan baris pada huruf la:m fi'il berbaris depan iaitu تَعَالَى. Berdasarkan jawapan tersebut kemungkinan responden dipengaruhi oleh pola kata فَاعِلٌ.

### 5.3.1.8. Kata Kerja ﴿استخراج﴾.

Kata kerja ﴿استخراج﴾ menggunakan pola kata ﴿استفعال﴾ iaitu pengimbuhan huruf alif, si:n dan ta:’. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.29: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja ﴿استخراج﴾.

Rajah 5.29 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja ﴿استخراج﴾. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 88 responden (88%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) yang menjawab salah baris, manakala 8 responden (8%) memberikan jawapan yang salah. Terdapat pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan oleh responden. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat menguasai dengan baik pola kata kerja tersebut.

### 5.3.1.9. Kata Kerja تَرْكِيلَ.

Kata kerja تَرْكِيلَ menggunakan pola kata تَقْعِيلَ iaitu pengimbuhan huruf ta:'. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.30: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja تَرْكِيلَ.

Rajah 5.30 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja تَرْكِيلَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 45 responden (45%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) yang menjawab salah baris, manakala 41 responden (41%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 10 responden (10%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab salah pola kata bagi soalan ini sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah تَقْلِيلَ, تَقْعِيلَ dan تَفْعِيلَ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak dapat menguasai pola kata kerja empat huruf tersebut. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan bagi soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

### 5.3.1.10. Kata Kerja اَعْشُوْشَبِ.

Kata kerja menggunakan pola kata اَعْشُوْشَبِ iaitu pengimbuhan huruf alif dan wa:u.

Penguasaan responden terhadap pola kata kerja tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.31: Graf Penguasaan Pola Kata Kerja اَعْشُوْشَبِ.

Rajah 5.31 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap pola kata kerja اَعْشُوْشَبِ.

Graf tersebut menunjukkan sebanyak 32 responden (32%) menjawab dengan betul, terdapat 50 responden (50%) yang menjawab salah, manakala 18 responden (18%) tidak menjawab.

Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah اَفْعُوْلَنْ dan اَفْشُوْلَنْ .

Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak dapat menguasai pola kata kerja daripada golongan kata kerja empat huruf asal. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

### **5.3.1.11. Kesimpulan.**


Secara keseluruhan penguasaan responden terhadap pola kata kerja adalah baik melainkan pada soalan kesembilan dan kesepuluh iaitu golangan kata kerja yang terdiri daripada empat huruf asal. Penguasaan responden terhadap pola kata kerja daripada kata kerja empat huruf asal adalah sangat lemat. Bagi soalan yang kesembilan hanya 45% responden berjaya menjawab dengan betul. Manakala bagi soalan yang kesepuluh hanya 32% responden berjaya menjawab dengan betul. Pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan oleh responden. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak mengetahui dan keliru dalam menentukan pola kata yang tepat.

Keseluruhan penguasaan responden terhadap pola kata kerja berimbuhan seperti yang dijelaskan dalam jadual dan carta berikut:

**Rajah 5.32: Jadual Analisis Keseluruhan Ujian Pola Kata Kerja Berimbuhan.**

Soalan	Jawapan Pelajar (%)			
	Betul	Salah Baris	Salah Pola Kata	Tidak Menjawab
1	91	0	9	0
2	86	13	1	0
3	80	7	12	1
4	90	2	8	0
5	52	6	42	0
6	63	17	14	6
7	80	17	3	0

8	88	4	8	0
9	45	4	41	10
10	32	50	18	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>707</b>	<b>120</b>	<b>156</b>	<b>17</b>



**Rajah 5.33: Carta Pai Analisis Keseluruhan Ujian Pola Kata Kerja Berimbuhan**


Berdasarkan rajah 5.32 dan 5.33 menunjukkan bahawa keseluruhan penguasaan responden terhadap pola kata kerja berimbuhan adalah baik. Sebanyak 71% responden berjaya menjawab dengan betul. Terdapat 12% sahaja responden yang memberikan jawapan salah baris. Dan hanya 15% responden yang memberikan jawapan salah pola kata. Walau bagaimanapun, berdasarkan jawapan responden menunjukkan bahawa penguasaan responden terhadap pola kata kerja empat huruf adalah masih lemah.

### **5.3.2. Kata Asal Kata Kerja.**

Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja berimbuhan. Sebanyak sepuluh kata kerja berimbuhan telah dipilih bagi menguji keupayaan responden menentukan kata asal bagi kata kerja berimbuhan. Kata-kata kerja tersebut ialah;

#### **5.3.2.1. Kata Kerja جَاهَدْ .**

Kata asal bagi kata kerja جَاهَدْ adalah حَاجَهْ . Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja جَاهَدْ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.34: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja جَاهَدْ .**


Rajah 5.34 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja جَاهَدْ .

Graf tersebut menunjukkan sebanyak 97 responden (97%) menjawab dengan betul, manakala 3 responden (3%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan

tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut.

### 5.3.2.2. Kata Kerja دَرْسَ.

Kata asal bagi kata kerja دَرْسَ adalah درس. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.35: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja دَرْسَ.

Rajah 5.35 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja درس. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 99 responden (99%) menjawab dengan betul, manakala 1 responden (1%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut.

### 5.3.2.3. Kata Kerja اِجْتَمَعَ.

Kata asal bagi kata kerja اِجْتَمَعَ adalah جَمِيعٌ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.36: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja اِجْتَمَعَ.

Rajah 5.36 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja اِجْتَمَعَ.

Graf tersebut menunjukkan sebanyak 98 responden (98%) menjawab dengan betul, manakala 2 responden (2%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut. Terdapat juga dua responden yang memberikan jawapan salah.

#### 5.3.2.4. Kata Kerja تَقَاتِلُ.

Kata asal bagi kata kerja تَقَاتِلُ adalah قَتْلٌ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.37: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja تَقَاتِلُ.

Rajah 5.37 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja تَقَاتِلُ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 96 responden (96%) menjawab dengan betul, manakala 4 responden (4%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut. Terdapat juga beberapa responden yang memberikan jawapan salah.

### 5.3.2.5. Kata Kerja اسْتَغْفِرَ.

Kata asal bagi kata kerja اسْتَغْفِرَ adalah غَفَرٌ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.38: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja اسْتَغْفِرَ.

Rajah 5.38 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja اسْتَغْفِرَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 93 responden (93%) menjawab dengan betul, manakala 7 responden (7%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut.

Walau bagaimanapun terdapat sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan yang salah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah سَفَرٌ dan terdapat juga responden yang menulis seperti soalan yang diberikan iaitu اسْتَغْفِرَ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebahagian kecil daripada responden tidak dapat mengenal pasti huruf asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut.

### 5.3.2.6. Kata Kerja تَقْدِيمٌ.

Kata asal bagi kata kerja تَقْدِيمٌ adalah قَدَمٌ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.39: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja تَقْدِيمٌ.

Rajah 5.39 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja تَقْدِيمٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 97 responden (97%) menjawab dengan betul, manakala 3 responden (3%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut. Terdapat juga sedikit responden yang memberikan jawapan salah.

### 5.3.2.7. Kata Kerja حُمْرَ اِحْمَرَ.

Kata asal bagi kata kerja حُمْرَ adalah اِحْمَرَ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.40: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja حُمْرَ اِحْمَرَ.

Rajah 5.40 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja حُمْرَ اِحْمَرَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 85 responden (85%) menjawab dengan betul, manakala 15 responden (15%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali dengan baik kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan yang salah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah حُمْرَ iaitu meletakkan tanda gandaan huruf pada huruf la:m fi'il, dan terdapat juga responden menjawab اِحْمَرَ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebahagian responden yang keliru dengan tanda gandaan huruf merupakan huruf tambahan begitu juga dengan huruf alif.

### 5.3.2.8. Kata Kerja إِنْقَطَعَ

Kata asal bagi kata kerja إِنْقَطَعَ adalah قَطَعَ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.41: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja إِنْقَطَعَ.

Rajah 5.41 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja إِنْقَطَعَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 99 responden (99%) menjawab dengan betul, manakala 1 responden (1%) memberikan jawapan yang salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat mengenali kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut.

### 5.3.2.9. Kata Kerja تَدْخُرَجَ.

Kata asal bagi kata kerja تَدْخُرَجَ adalah دَحْرَجَ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.42: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja تَدْخُرَجَ.

Rajah 5.42 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja تَدْخُرَجَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 36 responden (36%) menjawab dengan betul, manakala 60 responden (60%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 4 responden (4%) tidak menjawab. Responden yang dapat mengenali kata asal bagi kata kerja berimbuhan tersebut adalah sedikit bilangannya. Manakala responden yang memberikan jawapan yang salah sangat tinggi bilangannya. Antara bentuk jawapan yang salah diberikan ialah حَرَجَ dan حَرَجٍ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat mengenali dengan baik kata kerja empat huruf. Kebanyakan responden yang memberikan jawapan salah berkemungkinan responden menyangka bahawa kata kerja tersebut adalah daripada kata asal tiga huruf. Terdapat juga responden yang tidak menjawab namun bilangannya amat sedikit.

### 5.3.2.10. Kata kerja اِفْرَنْقَعَ.

Kata asal bagi kata kerja اِفْرَنْقَعَ adalah فَرْقَعَ. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja tersebut adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.43: Graf Penguasaan Kata Asal Bagi Kata Kerja اِفْرَنْقَعَ.

Rajah 5.43 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja اِفْرَنْقَعَ. Graf tersebut menunjukkan hanya 17 responden (17%) menjawab dengan betul, manakala sebanyak 78 responden (78%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 5 responden (5%) tidak menjawab. Bilangan responden yang dapat menjawab dengan betul bagi kata kerja berimbuhan tersebut adalah sangat sedikit. Manakala responden yang memberikan jawapan yang salah sangat tinggi bilangannya. Antara bentuk jawapan yang salah diberikan ialah رَقَعَ , فَرَقَعَ و نَقَعَ . Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat mengenali dengan baik kata kerja empat huruf. Kebanyakan responden yang memberikan jawapan yang salah, kemungkinan responden menyangka bahawa kata kerja tersebut adalah daripada kata asal tiga huruf. Bilangan yang menjawab salah adalah sangat tinggi kemungkinan juga bahawa responden tidak biasa dengan

perkataan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab namun bilangannya amat sedikit. Kemungkinan responden tersebut cuba mengelakkan untuk memberikan jawapan yang salah.

#### **5.3.2.11. Kesimpulan.**


Secara keseluruhan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja berimbuhan adalah sangat baik melainkan pada soalan kesembilan dan kesepuluh iaitu kata asal bagi kata kerja berimbuhan yang terdiri daripada empat huruf asal. Penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja berimbuhan daripada kata kerja empat huruf asal adalah sangat lemah.

Bagi soalan yang kesembilan hanya 36% responden berjaya menjawab dengan betul. Manakala bagi soalan yang kesepuluh hanya 17% responden berjaya menjawab dengan betul. Kebanyakan jawapan yang responden berikan adalah perkataan yang terdiri daripada tiga huruf. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyaknya responden tidak mengetahui bahawa terdapat kata kerja yang terdiri daripada empat huruf asal.

Keseluruhan penguasaan responden terhadap kata asal bagi kata kerja berimbuhan seperti yang dijelaskan dalam jadual dan carta berikut:

**Rajah 5.44: Jadual Analisis Keseluruhan Ujian Kata Asal Bagi Kata Kerja Berimbuhan.**

Soalan	Jawapan Pelajar (%)		
	Betul	Salah	Tidak Menjawab
1	97	3	0
2	99	1	0
3	98	2	0
4	96	4	0
5	93	7	0
6	97	3	0
7	85	15	0
8	99	1	0
9	36	60	4
10	17	78	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	817	174	9



**Rajah 5.45: Carta Pai Analisis Keseluruhan Ujian Kata Asal Bagi Kata Kerja Berimbuhan.**


Berdasarkan rajah 5.44 dan 5.45 menunjukkan bahawa keseluruhan penguasaan responden terhadap pola kata kerja berimbuhan adalah sangat baik. Sebanyak 82% responden berjaya menjawab dengan betul. Hanya 17% responden yang memberikan jawapan salah. Walau bagaimanapun, berdasarkan jawapan responden menunjukkan bahawa penguasaan responden terhadap pola kata kerja empat huruf adalah sangat lemah.

### **5.3.3. Makna Kata Kerja Berimbuhan.**

Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap makna kata kerja berimbuhan. Sebanyak tujuh belas kata kerja berimbuhan telah dipilih dan diletakkan dalam ayat yang sesuai bagi menguji keupayaan responden memberikan makna yang paling tepat berdasarkan konteks ayat setelah berlaku pengimbuhan pada kata kerja tersebut. Penulis membahagikan empat kategori jawapan yang responden berikan iaitu betul, kurang tepat, salah dan tidak menjawab. Antara kata kerja yang dipilih ialah;

#### **5.3.3.1. Kata Kerja أَلْبَسَ.**

Kata kerja أَلْبَسَ adalah mengikut pola kata أَفْعَلَ iaitu terdapat penambahan huruf hamzah. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat أَلْبَسَ زَيْدَ عَلَيْا قَمِيصًا. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*memakaikan*” iaitu terkandung maksud transitif. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja أَلْبَسَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.46: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja أَلْبَسَ.**

Rajah 5.46 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja **أَبْسَر**. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 33 responden (33%) menjawab dengan betul, manakala 64 responden (64%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan pengimbuhan kata dan terdapat juga responde yang tidak menjawab, tetapi bilangannya hanya 3 responden sahaja (3%). Terdapat sedikit responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab kurang tepat sangat ramai bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan respondent ialah pakai, memakai, dipakai dan beberapa bentuk yang lain. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat menguasai dengan baik konsep penambahan huruf yang akan berlaku penambahan makna dalam perkataan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit. Namun tidak terdapat responden yang memberikan jawapan yang salah bagi soalan tersebut.

### 5.3.3.2. Kata Kerja **أَبْعَثُ**.

Kata kerja **أَبْعَثُ** adalah mengikut pola kata **أَفْعَلَ** iaitu terdapat penambahan huruf hamzah. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat أَبْعَثُ الدَّارِ فِي الْجَرِيدَةِ الْيَوْمِيَّةِ. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “menunjukkan untuk dijual atau mengiklankan untuk dijual” iaitu terdapat penambahan makna memaparkan. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja **أَبْعَثُ** adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.47: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja أَبْعُثُ.**

Rajah 5.47 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja أَبْعُثُ. Graf tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul, sebanyak 70 responden (70%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 13 responden (13%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 17 responden sahaja (17%). Tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab kurang tepat sangat ramai bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah jual dan menjual. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden gagal memberikan makna berdasarkan penambahan huruf dalam perkataan tersebut dan tidak memberikan makna berdasarkan konteks ayat. Terdapat juga responden yang tidak menjawab bagi soalan tersebut namun bilangannya tidak terlalu ramai.

### 5.3.3.3. Kata Kerja أَبْنَتْ.

Kata kerja أَبْنَتْ adalah mengikut pola kata أَفْعَلَ iaitu terdapat penambahan huruf hamzah. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat أَلْبَنَتِ الشَّاهُ فِي الشَّتَاءِ. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*susu menjadi banyak*” iaitu mengandungi maksud menjadi banyak. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja أَبْنَتْ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.48: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja أَبْنَتْ.

Rajah 5.48 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja أَبْنَتْ. Graf tersebut menunjukkan tiada responden menjawab dengan tepat. Sebanyak 39 responden (39%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 38 responden (38%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat ramai juga responden yang tidak menjawab iaitu sebanyak 23 responden (23%). Tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab kurang tepat adalah ramai bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh

responden ialah susu, menyusu dan adakah susu. Manakala bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden ialah saya anak perempuan, adakah anak perempuan dan pelbagai bentuk kesilapan yang lain. Dua bentuk jawapan salah tersebut kerana responden terkesan dengan perkataan **الْبِنْثُ** ertiinya: *Budak perempuan*. Bilangan responden yang tidak menjawab juga tinggi bagi soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### 5.3.3.4. Kata Kerja **قتَلَ**.

Kata kerja **قتَلَ** adalah mengikut pola kata **فاعَلَ** iaitu terdapat penambahan huruf alif. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat **قتَلَ الْجُنُدِيُّ عَدُوًا**. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*saling berbunuhan atau berperang*” iaitu mengandungi maksud kesalingan atau tindak balas dua pihak. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja **قتَلَ** adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.49: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja **قتَلَ**.**

Rajah 5.49 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja ﴿قَاتَلَ﴾. Graf tersebut menunjukkan terdapat 7 responden sahaja (7%) yang menjawab dengan betul, dan responden yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata ialah 91 responden iaatu (91%) dan terdapat juga responde yang tidak menjawab iaitu 2 responden sahaja (2%). Responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut sangat sedikit bilangannya. Manakala bilangan responden yang menjawab kurang tepat sangat tinggi bilangannya. Antara bentuk jawapan yang kurang tepat diberikan ialah membunuh, pembunuhan, dan dibunuhan. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat menguasai dengan baik konsep penambahan huruf yang akan berlaku penambahan makna dalam perkataan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit. Namun tidak terdapat responden memberikan jawapan yang salah bagi soalan tersebut.

### 5.3.3.5. Kata Kerja تَابَعْتُ.

Kata kerja ﴿تَابَعْتُ﴾ adalah mengikut pola kata ﴿فَاعَلَ﴾ iaitu terdapat penambahan huruf alif. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ كُلَّ يَوْمٍ. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*saya sentiasa mengikuti*” iaitu terkandung maksud sentiasa dilakukan. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja ﴿تَابَعْتُ﴾ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.50: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَابَعْتُ.**

Rajah 5.50 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَابَعْتُ.


Graf tersebut menunjukkan terdapat 16 responden (16%) menjawab dengan betul, seramai 53 responden (53%) menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 22 responden (22%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 9 responden sahaja (9%). Responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut sedikit bilangannya. Manakala responden yang menjawab kurang tepat tinggi bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah saya ikut, mengikut dan pengikut. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden gagal memberikan makna berdasarkan penambahan huruf dalam perkataan tersebut dan tidak memberikan makna berdasarkan konteks ayat. Manakala bagi jawapan yang salah terdapat pelbagai bentuk jawapan yang diberikan oleh responden dan berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat yang diberikan. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, namun bilangannya sedikit.

### 5.3.3.6. Kata Kerja شَرْقٌ.

Kata kerja شَرْقٌ adalah mengikut pola kata فَعَلَ iaitu terdapat tasyid atau gandaan huruf.

Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat صَلَوةُ الصُّبْحِ عَلَيْهِ شَرْقٌ مَعَ زُمَلَائِهِ بَعْدَ صَلَاتِ الْعَدْوَى.

Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “menuju ke timur” iaitu terkandung maksud menuju ke sesuatu arah. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja شَرْقٌ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.51: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja شَرْقٌ.

Rajah 5.51 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja شَرْقٌ. Graf tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul. Terdapat 13 responden (13%) memberikan jawapan kurang tepat, dan sebanyak 53 responden (53%) memberikan jawapan yang salah, manakala 34 responden (34%) tidak menjawab. Tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab kurang tepat juga sedikit bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang responden berikan ialah timur. Responden tidak memberikan

makna yang tepat berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna. Manakala bagi jawapan yang salah terdapat pelbagai bentuk jawapan yang diberikan oleh responden antaranya ialah muncul, terbit dan menghadap. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya memberikan jawapan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Bilangan responden yang tidak menjawab juga tinggi bagi soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### 5.3.3.7. Kata Kerja بَشَّرَ.

Kata kerja بَشَّرَ adalah mengikut pola kata فَعَلَ iaitu terdapat tasydid atau gandaan huruf. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat **بَشَّرَ الْمُعَلِّمُ تَلَامِيْدَهُ أَنَّهُمْ مُتَفَوّقُونَ فِي الْإِمْتِحَانِ**. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “menggembirakan” iaitu terkandung maksud transitif. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja بَشَّرَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.52: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja بَشَّرَ.

Rajah 5.52 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja **بَشَرٌ**. Graf tersebut menunjukkan hanya 4 responden (4%) menjawab dengan betul, terdapat 21 responden (21%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 49 responden (49%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 26 responden sahaja (26%). Responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut sangat sedikit bilangannya. Manakala responden yang menjawab kurang tepat juga sedikit bilangannya. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang responden berikan ialah gembira, bersangatan gembira dan kegembiraan. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden gagal memberikan makna yang tepat berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna dalam ayat tersebut. Manakala bagi jawapan yang salah terdapat pelbagai bentuk jawapan yang diberikan oleh responden antaranya ialah insan, manusia dan kehidupan. Berdasarkan tiga bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden terkesan dengan perkataan **بَشَرٌ** ertinya: *manusia*. Bilangan responden yang tidak menjawab juga tinggi bagi soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### 5.3.3.8. Kata Kerja طَوْفَ.

Kata kerja **طَوْفَ** adalah mengikut pola kata **فَعَلَ** iaitu terdapat tasyid atau gandaan huruf. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat **طَوَافَ مُحَمَّدٌ حَوْلَ الْكَعْبَةِ**. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*bertawaf beberapa kali*” iaitu terkandung

maksud banyak kali dilakukan. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja طوّف adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.53: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja طوّف.**

Rajah 5.53 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja طوّف. Graf tersebut menunjukkan bahawa 13 responden (13%) menjawab dengan betul, sebanyak 81 responden (81%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 1 responden (1%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 5 responden sahaja (5%). Berdasarkan graf tersebut menunjukkan hanya sebilangan kecil responden yang dapat menjawab dengan betul. Manakala bilangan yang menjawab kurang tepat adalah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan ialah tawaf, bertawaf dan mengelilingi. Responden gagal memberikan makna yang tepat berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna dalam ayat tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit.

### 5.3.3.9. Kata kerja تَعْلَمَ.

Kata kerja تَعْلَمَ adalah mengikut pola kata تَفْعَلَ iaitu terdapat penambahan huruf ta:' dan tasydid atau gandaan huruf. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat تَعْلَمَ زَيْدُ الْلُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ فِي جَامِعَةِ مَالَأَيَا iaitu maksud tidak balas dari perkataan asal Penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَعْلَمَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.54: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَعْلَمَ.

Rajah 5.54 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَعْلَمَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 64 responden (64%) menjawab dengan betul, terdapat 10 responden (10%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 24 responden (24%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 2 responden sahaja (2%). Berdasarkan graf tersebut menunjukkan bahawa ramai responden dapat menjawab dengan betul soalan tersebut dan terdapat sedikit responden yang menjawab kurang tepat. Manakala bilangan responden yang memberikan

jawapan salah juga ramai. Antara jawapan salah yang diberikan ialah mengajar dan beberapa bentuk yang lain. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden keliru dengan makna perkataan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit.

#### 5.3.3.10. Kata Kerja تَوْسِّدَ.

Kata kerja تَوْسِّدَ adalah mengikut pola kata تَفْعَلَ iaitu terdapat penambahan huruf ta:' dan tasydid atau gandaan huruf. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat تَوْسِّدَ رَبِّ الْحَجَرِ عَنْدَمَا يَنَامُ فِي جَبَلِ كَنَابِلُو. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “berbantalkan” iaitu terkandung maksud pengambilan untuk dijadikan objek. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَوْسِّدَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.55: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَوْسِّدَ.

Rajah 5.55 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَوْسِّدَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 56 responden (56%) memberikan jawapan yang salah dan


sebanyak 44 responden (44%) tidak menjawab. Tidak terdapat responden yang menjawab dengan betul dan kurang tepat bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab salah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan yang salah diberikan ialah dihempap, mendaki, membaling dan perbagai bentuk yang lain. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya memberikan jawapan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Bilangan responden yang tidak menjawab juga sangat tinggi bagi soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### **5.3.3.11. Kata Kerja تَمَارِضَ.**

Kata kerja تَمَارِضَ adalah mengikut pola kata تَفَاعَلَ iaitu terdapat penambahan huruf ta:' dan alif. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat

تَمَارِضَ الْكَسَلَانُ فِي بَيْتِ الطَّلَبَةِ، وَالْطَّلَابُ الْمُجْتَهِدُونَ يُرَاجِعُونَ الدُّرُوسَ فِي الْفَصْلِ.

Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “berpura-pura sakit” iaitu terkandung maksud kepura-puraan. Penggunaan responden terhadap makna kata kerja تَمَارِضَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.56: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَمَارِضَ.**

Rajah 5.56 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَمَارِضَ.

Graf tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 56 responden (56%) menjawab kurang tepat, manakala 27 responden (27%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 17 responden (17%) yang tidak menjawab. Tidak terdapat responden yang menjawab dengan tepat bagi soalan tersebut. Manakala responden yang menjawab kurang tepat sangat ramai. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah sakit, menyakiti dan penyakit. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat menguasai dengan baik konsep penambahan huruf yang akan berlaku penambahan makna dalam perkataan tersebut. Manakala bentuk jawapan salah yang responden berikan antaranya ialah berehat, berkumpul, merawat dan pelbagai bentuk yang lain. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat yang diberikan. Terdapat juga responden yang tidak menjawab namun bilangannya tidak terlalu ramai.

### 5.3.3.12. Kata Kerja تَحَاوِرَ.

Kata kerja تَحَاوِرَ adalah mengikut pola kata تَفَاعُلٌ iaitu terdapat penambahan huruf ta:' dan alif. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat مَالِيْزِيَا فِي اجْتِمَاعِيَّةٍ عَنْ مَشَائِكِلٍ. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*saling berbincang*” iaitu terkandung maksud kesalingan atau tindak balas dua pihak. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَحَاوِرَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.57: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَحَاوِرَ.

Rajah 5.57 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَحَاوِرَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 38 responden (38%) menjawab dengan betul, terdapat 14 responden (14%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 16 responden (16%) memberikan jawapan yang salah dan ramai juga responden yang tidak menjawab iaitu sebanyak 32 responden (32%). Responden yang menjawab dengan betul bagi soalan tersebut lebih ramai berbanding dengan yang lain, namun bilangan tersebut masih rendah. Terdapat sedikit responden yang menjawab kurang tepat. Antara


bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah berbual, perbualan dan dibualkan. Jawapan-jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden gagal memberikan makna berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna. Terdapat juga responden yang memberikan jawapan salah namaun bilangannya tidak terlalu ramai. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat yang diberikan. Bilangan responden yang tidak menjawab juga tinggi dalam soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### **5.3.3.13. Kata Kerja تَزَيْدَ.**

Kata kerja adalah mengikut pola kata تَقَاعِلٌ iaitu terdapat penambahan huruf ta:' dan alif. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat

تَزَيْدَ مَاءُ نَهْرٍ سُوْغِيْ فِي شَهْرِ دِيْسِمْبِرِ حَتَّىْ شَهْرِ يَانِيْرِ.

Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*semakin bertambah*” iaitu terkandung maksud berlaku beransur-ansur. Penggunaan responden terhadap makna kata kerja تَزَيْدَ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.58: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja تَرَكِيد.**

Rajah 5.58 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَرَكِيد. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 33 responden (33%) menjawab dengan betul, terdapat 44 responden (44%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan konsep imbuhan kata, manakala 7 responden (7%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 16 responden (16%). Responden yang menjawab dengan betul soalan tersebut masih lagi rendah. Manakala responden yang menjawab kurang tepat lebih ramai berbanding dengan kategori jawapan yang lain. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah penambahan, pasang dan menambah. Jawapan-jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden gagal memberikan makna berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna. Terdapat juga responden yang memberikan jawapan salah namun bilangannya tidak ramai. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat yang diberikan. Terdapat juga responden yang tidak menjawab dalam soalan tersebut namun bilangannya tidak terlalu ramai.

### 5.3.3.14. Kata Kerja اجْتَمِعُوا.

Kata kerja اجْتَمِعُوا adalah mengikut pola kata افْتَعَل iaitu terdapat penambahan huruf alif dan ta:'. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat جَعَ الْمُعَلِّمُ الطُّلَّابَ فَاجْتَمِعُوا.

Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “berhimpun” iaitu terkandung maksud tindak balas kata asal. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja اجْتَمِعُوا adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.59: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja اجْتَمِعُوا.

Rajah 5.59 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja اجْتَمِعُوا. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 83 responden (83%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan berlakunya pengimbuhan kata, manakala 4 responden (4%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 9 responden (9%). Kebanyakan responden dapat menjawab dengan baik soalan tersebut. Hanya sedikit sahaja dikalangan responden yang menjawab kurang tepat dan salah. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada

soalan tersebut namun bilangannya juga sedikit. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat menguasai konsep penambahan huruf dalam perkataan tersebut yang akan memberikan penambahan makna. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit.

### 5.3.3.15. Kata Kerja ﴿اسْتَغْفِرَ﴾.

Kata kerja ﴿اسْتَغْفِرَ﴾ adalah mengikut pola kata ﴿اسْتَفْعَلَ﴾ iaitu terdapat penambahan huruf alif, si:n dan ta:'. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat ﴿اسْتَغْفِرَ اللَّهُ مِنْ ذُنُوبِهِ﴾. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “meminta ampun” iaitu terkandung maksud permintaan. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.60: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja ﴿اسْتَغْفِرَ﴾.

Rajah 5.60 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja **تَسْعِفُ**. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 62 responden (62%) menjawab dengan betul, terdapat 27 responden (27%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan berlakunya pengimbuhan kata, manakala 8 responden (8%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu 3 responden sahaja (3%). Kebanyakan responden dapat menjawab dengan baik soalan tersebut. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden dapat memberikan makna yang tepat berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna. Terdapat juga responden yang menjawab kurang tepat namun bilangannya tidak terlalu ramai. Antara bentuk jawapan kurang tepat yang diberikan oleh responden ialah ampunkan, ampunkanlah dan mengampunkan. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa masih terdapat sebahagian responden yang tidak dapat menguasai dengan baik konsep penambahan huruf yang akan berlaku penambahan makna dalam perkataan tersebut. Terdapat juga responden yang memberikan jawapan salah namun bilangannya sedikit. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat. Terdapat juga responden yang tidak menjawab, tetapi bilangannya sangat sedikit.

#### 5.3.3.16. Kata Kerja **تَزْلِكْ**.

Kata kerja **تَزْلِكْ** adalah mengikut pola kata **تَفْعَلَ** iaitu terdapat penambahan huruf ta:'. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat **إِذَا رُلِكَتِ الْأَرْضُ فَتَرْلِكْتُ**. Berdasarkan konteks

ayat perkataan tersebut memberi maksud “*bergoncang*” iaitu terkandung maksud tindak balas kata asal. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَنْزَلُتْ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.61: Graf Penggunaan Makna Kata Kerja تَنْزَلُتْ.**

Rajah 5.61 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja تَنْزَلُتْ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 44 responden (44%) menjawab dengan betul, terdapat 5 responden (5%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan berlakunya pengimbuhan kata, manakala 29 responden (29%) memberikan jawapan yang salah dan bilangan responden yang tidak menjawab ialah 22 responden (22%). Bilangan responden yang menjawab dengan betul lebih ramai berbanding jawapan yang lain, namun bilangan tersebut masih lagi rendah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden masih lemah penguasaan terhadap makna perkataan tersebut, masih ramai responden tidak mampu memberikan makna dengan tepat berdasarkan penambahan huruf yang menunjukkan penambahan makna. Terdapat juga responden yang menjawab kurang tepat namun bilangannya sangat sedikit. Manakala responden yang memberikan jawapan salah juga ramai. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden antaranya ialah

musnahkan dan hancur. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat. Bilangan responden yang tidak menjawab bagi soalan tersebut juga tinggi. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

### 5.3.3.17. Kata Kerja اَعْشُوشَبْتُ

Kata kerja adalah mengikut pola kata اَفْعُوْلَ اَعْشُوشَبْتُ iaitu terdapat penambahan alif dan wa:w. Kata kerja tersebut diletakkan dalam ayat تُرُولِ الْمَطَرِ. اَعْشُوشَبْتُ الْخَدِيْقَةُ بَعْدَ تُرُولِ الْمَطَرِ. Berdasarkan konteks ayat perkataan tersebut memberi maksud “*rumput menjadi banyak*” iaitu terkandung maksud menjadi banyak. Penguasaan responden terhadap makna kata kerja اَعْشُوشَبْتُ adalah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.62: Graf Penguasaan Makna Kata Kerja اَعْشُوشَبْتُ.

**اعْشُوْشَبْتُ.** Rajah 5.62 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap makna kata kerja berimbuhan.

Graf tersebut menunjukkan sebanyak 3 responden (3%) menjawab dengan betul, terdapat 8 responden (8%) yang menjawab kurang tepat berdasarkan berlakunya pengimbuhan kata, manakala 35 responden (35%) memberikan jawapan yang salah dan bilangan responden yang tidak menjawab ialah 54 responden (54%). Bilangan responden yang menjawab dengan betul dan kurang tepat adalah sangat kecil. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah terhadap makna perkataan tersebut. Manakala responden yang memberikan jawapan salah adalah ramai. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan oleh responden. Berdasarkan bentuk jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian ayat. Adapun responden yang tidak menjawab dalam soalan tersebut adalah sangat tinggi. Berdasarkan tindak balas dan reaksi responden mereka menyatakan tidak mengetahui makna perkataan tersebut. Tidak dinafikan juga bahawa perkataan tersebut merupakan perkataan yang tidak popular dan kebarangkalian bertemu dalam petikan atau ayat dengan perkataan tersebut adalah rendah. Walau bagaimanapun perkataan tersebut terdapat dalam silibus morfologi bahasa Arab.

#### **5.3.3.18. Kesimpulan.**

Berdasarkan jawapan responden dalam bahagian ini menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah terhadap makna perkataan kata kerja berimbuhan.

Bilangan responden yang memberikan jawapan dengan betul adalah sangat rendah. Ini menunjukkan bahawa responden tidak mampu memberikan makna dengan tepat terhadap kata kerja berimbuhan. Pelbagai bentuk jawapan salah yang diberikan. Kebanyakan bentuk jawapan yang diberikan menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan hanya meneka jawapan berdasarkan kesesuaian dalam ayat. Bilangan responden yang tidak menjawab juga adalah tinggi. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.


Tidak dinafikan juga bahawa terdapat perkataan yang tidak popular dan kebarangkalian bertemu dalam petikan atau ayat dengan perkataan tersebut adalah rendah. Walau bagaimanapun perkataan tersebut terdapat dalam silibus morfologi bahasa Arab.

Keseluruhan penguasaan responden terhadap makna kata kerja berimbuhan seperti yang dijelaskan dalam jadual dan carta berikut:

**Rajah 5.63: Jadual Analisis Keseluruhan Ujian Makna Kata Kerja Berimbuhan.**

Soalan	Jawapan Pelajar (%)			
	Betul	Kurang Tepat	Salah Makna	Tidak Menjawab
1	33	64	0	3
2	0	70	13	17
3	0	39	38	23
4	7	91	0	2
5	16	53	22	9

6	0	13	53	34
7	4	21	49	26
8	13	81	1	5
9	64	10	24	2
10	0	0	56	44
11	0	56	27	17
12	38	14	16	32
13	33	44	7	16
14	83	4	4	9
15	62	27	8	3
16	44	5	29	22
17	3	8	35	54
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>400</b>	<b>600</b>	<b>382</b>	<b>318</b>




Rajah 5.64: Carta Pai Analisis Keseluruhan Ujian Makna Kata Kerja Berimbuhan.

### **5.3.4. Pola Kata Nama Berimbuhan.**


Bahagian ini akan membentangkan hasil kajian terhadap ujian yang telah dijalankan terhadap responden. Sebanyak empat belas pilihan jawapan telah disediakan terhadap soalan berkaitan dengan kata nama berimbuhan untuk ditentukan dengan meletakkan pada ruang yang telah disediakan mengikut penggolongan kata nama berimbuhan tertentu. Berdasarkan jawapan responden, dapatan kajian adalah seperti berikut:

#### **5.3.4.1. Kata Nama Pelaku.**

Terdapat dua kata nama pelaku diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama pelaku. Dua kata nama pelaku tersebut ialah سائلٌ dan مُتَكَلِّمٌ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.65: Graf Penguasaan Kata Nama Pelaku.**




**Rajah 5.66: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Pelaku.**


Rajah 5.65 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama pelaku. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 107 jawapan (53%) dijawab dengan betul. Manakala 89 jawapan (45%) dijawab dengan salah, dan 4 ruangan (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama pelaku adalah sederhana.

#### 5.3.4.2. Kata Nama Objek .

Terdapat dua kata nama objek diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama objek. Dua kata nama objek tersebut ialah مَأْكُولٌ and مَبِيعٌ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.67: Graf Penguasaan Kata Nama Objek.**




**Rajah 5.68: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Objek.**


Rajah 5.67 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama objek. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 82 jawapan (41%) dijawab dengan betul. Manakala 113 jawapan (56.5%) dijawab dengan salah, dan 4 jawapan sahaja (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama objek adalah lemah.

### 5.3.4.3. Kata Nama Şighat Muba:laghat.

Terdapat dua kata nama şighat muba:laghat diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama şighat muba:laghat. Dua kata nama şighat muba:laghat tersebut ialah سَيْعٌ dan أَكَالٌ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.69: Graf Penguasaan Kata Nama Şighat Muba:laghat.




Rajah 5.70: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Şighat Muba:laghat.

Rajah 5.69 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama şighat muba:laghat. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 64 jawapan (32%) dijawab dengan betul. Manakala 132 jawapan (66%) dijawab dengan salah, dan 4 ruangan (2%)


tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden dalam menentukan golongan kata nama *şighaṭ muba:lagħaṭ* adalah sangat lemah.

#### 5.3.4.4. Kata Nama Tafḍil.

Terdapat dua kata nama tafḍil diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama tafḍil. Dua kata nama Tafḍil tersebut ialah أَسْهَلُ وَ أَسْرَعُ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.71: Graf Penguasaan Kata Nama Tafḍil.




Rajah 5.72: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Taḍhil.


Rajah 5.71 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama Tafđil. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 103 jawapan (51.5%) dijawab dengan betul. Manakala 93 jawapan (46.5%) dijawab dengan salah, dan 4 ruangan (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama Tafđil adalah sederhana.

#### **5.3.4.5. Kata Nama Keterangan Masa.**

Terdapat dua kata nama keterangan masa diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama keterangan masa. Dua kata nama keterangan masa telah diletakkan dalam ruangan kata nama yang berimbuhan. Dua kata nama keterangan masa tersebut ialah **مُوْلَدٌ** dan **مَعْرِبٌ**. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.73: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Masa.**




**Rajah 5.74: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Keterangan Masa.**


Rajah 5.73 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan masa. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 136 jawapan (68%) dijawab dengan betul. Manakala 60 jawapan (30%) dijawab dengan salah, dan 4 ruangan (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama keterangan masa adalah baik.

#### **5.3.4.6. Kata Nama Keterangan Tempat.**

Terdapat dua kata nama keterangan masa diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama keterangan masa. Dua kata nama keterangan tempat telah diletakkan dalam ruangan kata nama yang berimbuhan. Dua kata nama keterangan masa tersebut ialah **مَكْتبٌ** dan **مَطْبَعَةٌ**. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.75: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat.**




**Rajah 5.76: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat.**


Rajah 5.75 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan tempat. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 134 jawapan (67%) dijawab dengan betul. Manakala 62 jawapan (31%) dijawab dengan salah, dan 4 ruangan (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama keterangan tempat adalah baik.

#### 5.3.4.7. Kata Nama Alat.

Terdapat dua kata nama alat diletakkan di dalam ruangan kata-kata nama berimbuhan untuk menguji responden terhadap keupayaan mengenal kata nama alat. Dua kata nama alat telah diletakkan dalam ruangan kata nama yang berimbuhan. Dua kata nama alat tersebut ialah مُكْسَنٌ dan مُرْسَمٌ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.77: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat.



Rajah 5.78: Carta Pai Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat.

Rajah 5.77 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama alat. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 124 jawapan (62%) dijawab dengan betul. Manakala 73 jawapan (36.5%) dijawab dengan salah, dan 3 ruangan (1.5%) tidak


dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama alat adalah baik.

#### **5.3.4.8. Kesimpulan.**

Penguasaan keseluruhan responden terhadap menentukan golongan kata nama adalah sederhana. Secara keseluruhan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama adalah seperti dijelaskan dalam rajah berikut:

**Rajah 5.79: Jadual Analisis Keseluruhan Ujian Kata Nama Berimbuhan.**

Soalan	Jawapan Pelajar (%)		
	Betul	Salah	Tidak Menjawab
1	107	89	4
2	82	113	5
3	64	132	4
4	103	93	4
5	136	60	4
6	134	62	4
7	124	73	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>750</b>	<b>622</b>	<b>28</b>



Rajah 5.80: Carta Pai Analisis Keseluruhan Ujian Kata Nama Berimbuhan.

Rajah 5.79 jadual menunjukkan penguasaan keseluruhan responden terhadap kata nama berimbuhan. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 750 jawapan (54%) dijawab dengan betul. Manakala 622 jawapan (44%) dijawab dengan salah, dan 28 ruangan (2%) tidak dijawab. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan penguasaan responden terhadap menentukan golongan kata nama berimbuhan keseluruhnya adalah di tahap sederhana.

### **5.3.5. Pembentukan Kata Nama Berimbuhan.**


Bahagian ini akan membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap pembentukan kata nama berimbuhan. Sebanyak enam belas ayat berserta kata asal disediakan bagi menguji keupayaan responden membentuk kata nama berimbuhan yang bersesuaian untuk mendapatkan makna yang dikehendaki berdasarkan konteks ayat. Responden diminta mengubah kata asal kepada golongan kata nama berimbuhan yang besesuaian berdasarkan kontek ayat. Golongan kata-kata nama tersebut ialah;

#### **5.3.5.1. Kata Nama Pelaku.**

Terdapat tiga soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama pelaku berdasarkan maksud dan kontek ayat. Tiga ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama pelaku. Ketiga-tiga ayat tersebut diletakkan secara tidak berturutan dalam susunan soalan. Ketiga-tiga ayat tersebut ialah:

- a. *مُجْتَهِدُ الْفَصْلِ مُبَكِّرًا* \_\_\_\_\_ kata asal ialah *(يَدْخُلُ عَلَم)*.

Berdasarkan konteks ayat kata asal *(عَلَم)* mestilah diubah menjadi kata nama pelaku iaitu *(مُعَلِّم)*. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.81: Graf Penguasaan Kata Nama Pelaku Bagi عَلَمٌ.**

Rajah 5.81 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama pelaku bagi kata asal عَلَمٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 92 responden (92%) menjawab dengan betul, manakala 8 responden (8%) menjawab salah. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden dapat menguasai kata nama pelaku dalam soalan tersebut dan mampu mengubah kata asal kepada kata nama pelaku. Terdapat juga sebahagian kecil responden yang menjawab salah. Kemungkinan responden kurang mahir dalam pembentukan kata kerja yang terdapat penambahan huruf antara jawapan yang diberikan ialah عَالِمٌ. Kesilapan tersebut kemungkinan responden terpengaruh dengan kata asal tanpa penambahan huruf. Terdapat juga kesilapan yang dilakukan dengan tidak meletakkan tanda gandaan huruf iaitu مُعَلِّمٌ.

- b. في كلية دار الرضوان الإسلامية \_\_\_\_\_ (الدكتور أحمد سجل) kata asal ialah (مسجل).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (سَجَلٌ) mestilah diubah menjadi kata nama pelaku iaitu (مسَجِلٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.82: Graf Penguasaan Kata Nama Pelaku Bagi سَجْلٌ.**

Rajah 5.82 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama pelaku bagi kata asal سَجْلٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 31 responden (31%) menjawab dengan betul, terdapat 5 responden (5%) yang menjawab salah baris, manakala 56 responden (56%) menjawab salah dan terdapat juga 7 responden (7%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah سَجِيلٌ ، سَاجِلٌ و سُسْجِيلٌ . Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak mampu membentuk kata nama pelaku daripada kata asal yang terdapat penambahan huruf. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

c. \_\_\_\_\_ (الصَّلَادَهُ صِلَهُ بَيْنَ وَرَبِّهِ) kata asal ialah (عَبَدَ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (عَبَدَ) mestilah diubah menjadi kata nama pelaku iaitu (عَابِدٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.83: Graf Penguasaan Kata Nama Pelaku Bagi عبد.**


Rajah 5.83 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama pelaku bagi kata asal **عبد**. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 35 responden (35%) menjawab dengan betul, manakala 62 responden (62%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 3 responden (3%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Terdapat pelbagai jawapan yang salah diberikan, antara bentuk jawapan salah tersebut ialah **اعبد**, **عبيد**, **عبد** dan **معبد**. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak dapat menguasai pembentukan kata nama pelaku tersebut. Pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan seolah-olah responden cuba menganggarkan jawapan yang betul tetapi sebenarnya kebanyakan responden tidak menguasai terhadap pembentukan kata tersebut. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut tetapi bilangannya sangat sedikit.

### 5.3.5.2. Kata Nama Objek.

Terdapat tiga soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama objek berdasarkan maksud dan kontek ayat. Tiga ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama objek. Ketiga-tiga ayat tersebut diletakkan secara tidak berturutan dalam susunan soalan. Ketiga-tiga ayat tersebut ialah:

- a. شَرَبَ أَحْمَدُ عَنْ \_\_\_\_\_ في المَطْعَمِ. kata asal ialah (شرب).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (شرب) mestilah diubah menjadi kata nama objek iaitu (مشروب). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.84: Graf Penggunaan Kata Nama Objek Bagi شرب.

Rajah 5.84 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama objek bagi kata asal شرب. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 31 responden (31%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) menjawab salah baris, manakala 64 responden (64%) menjawab salah dan terdapat juga 1 responden (1%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang

diberikan ialah شَارِبٌ، مَشْرُبٌ، يَشْرَبُ dan شُرِبًا . Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak dapat menguasai kata nama objek bagi soalan tersebut. Sepatutnya responden mesti mengubah kata asal kepada kana nama objek untuk melengkapkan ayat fi 'liyat tersebut.

b. \_\_\_\_\_ عن أُسْرَتِهِ) kata asal ialah (تَوَارَثٌ) (تَسْلَمَ زَيْدٌ مَالًا).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (تَوَارَثٌ) mestilah diubah menjadi kata nama objek iaitu (مُتَوَارِثٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.85: Graf Penguasaan Kata Nama Objek Bagi تَوَارَثٌ.**

Rajah 5.85 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama objek bagi kata asal تَوَارَثٌ. Graf tersebut menunjukkan hanya 21 responden (21%) menjawab dengan betul, terdapat 5 responden (5%) menjawab salah baris, manakala 64 responden (64%) menjawab salah dan terdapat juga 10 responden (10%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah تَوَارَثٌ، مَوَارِثٌ وَارِثٌ dan تَسْلَمَ زَيْدٌ مَالًا. Berdasarkan jawapan tersebut

menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah terhadap pembentukan kata nama objek daripada kata asal yang terdapat penambahan huruf. Responden tidak dapat menguasai kaedah pembentukan kata objek daipada kata asal yang melebihi tiga huruf. Terdapat responden menulis kata asal yang sama, ada yang menukar kata tersebut kepada pola kata mudhari‘ dan terdapat juga yang mengubah kepada kata nama pelaku perbuatan. Terdapat sebilangan kecil responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba untuk mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

c. (.\_\_\_\_\_ عَفَا اللَّهُ عَنْ) kata asal ialah (إِسْتَغْفَرُ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (إِسْتَغْفَرُ) mestilah diubah menjadi kata nama objek iaitu (مُسْتَغْفَرٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.86: Graf Penguasaan Kata Nama Objek Bagi إِسْتَغْفَرُ.**

Rajah 5.86 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama objek bagi kata asal إِسْتَغْفَرُ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 29 responden (29%) menjawab dengan betul, terdapat 5 responden (5%) menjawab salah baris, manakala 60 responden


(60%) menjawab salah dan terdapat juga 6 responden (6%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah **إسْتَغْفَار**, **إِسْتَغْفَارًا** dan **إِسْتَغْفَرًا**. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah. Kebanyakan responden tidak dapat menguasai pembentukan kata nama objek daripada kata asal yang melebihi tiga huruf yang dikemukakan soalan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

#### **5.3.5.3. Kata Nama Tafđil.**

Terdapat tiga soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama tafđil berdasarkan maksud dan kontek ayat. Tiga ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama tafđil. Ketiga-tiga ayat tersebut diletakkan secara tidak berturutan dalam susunan soalan. Ketiga-tiga ayat tersebut ialah:

- a. \_\_\_\_\_ (جَزِيرَةٌ لِنَكَاوِي). **صَغِيرٌ** kata asal ialah (صَغِيرٌ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (صَغِيرٌ) mestilah diubah menjadi kata nama tafđil iaitu (أَصْغَرٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.87: Graf Penguasaan Kata Nama Tafđil Bagi صَعْر.**

Rajah 5.87 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama tafđil bagi kata asal صَعْر. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 32 responden (32%) menjawab dengan betul, terdapat 2 responden (2%) menjawab salah baris, manakala 60 responden (60%) menjawab salah dan terdapat juga 6 responden (6%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah sangat tinggi. Pelbagai bentuk jawapan salah yang responden berikan antaranya ialah مُصْغِرٌ, صَاغِرٌ, صَغِيرٌ dan مُصْغِرٌ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah terhadap kata nama tafđil. Kebanyakan responden tidak dapat menguasai kata nama tafđil dalam soalan tersebut walaupun tahap soalan tersebut adalah mudah dan ayat yang diberikan mudah difahami. Terdapat pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah. Kebanyakan responden tidak dapat menguasai pembentukan kata nama tafđil daripada kata asal bagi soalan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut, namun bilangannya sedikit.

b. \_\_\_\_\_ مِنْ الْحِصَانِ فِي الْجَرْبِيِّ. kata asal ialah (الْفَهْدُ) (سَرْعٌ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (سَرْعٌ) mestilah diubah menjadi kata nama tafđil iaitu (أَسْرَعُ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.88: Graf Penguasaan Kata Nama Tafđil Bagi سَرْعٌ.

Rajah 5.88 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama tafđil bagi kata asal سَرْعٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 51 responden (51%) menjawab dengan betul, terdapat 7 responden (7%) yang menjawab salah baris, manakala 39 responden (39%) menjawab salah dan terdapat juga 3 responden (3%) tidak menjawab. Bilangan yang menjawab betul lebih tinggi berbanding jawapan yang salah, namun bilangan responden yang menjawab salah bagi soalan tersebut juga boleh dianggap tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah سارع, يسرع و مسرع. Pelbagai bentuk jawapan yang responden berikan menunjukkan responden cuba memberikan jawapan walaupun tidak mengetahui untuk membentuk kata nama tafđil yang dikehendaki dalam ayat tersebut. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden adalah sederhana. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut, namun bilangannya sangat sedikit.

c. مِنِ الْإِمْتَحَانَاتِ النِّهَائِيَّةِ). \_\_\_\_\_ (الْأُخْتِيَارُ الشَّهْرِيُّ kata asal ialah (سَهْلٌ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (سَهْلٌ) mestilah diubah menjadi kata nama tafṣīl iaitu (أَسْهَلٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.89: Graf Penguasaan Kata Nama Tafṣīl Bagi سَهْلٌ.**

Rajah 5.89 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama tafṣīl bagi kata asal سَهْلٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 41 responden (41%) menjawab dengan betul, manakala 49 responden (49%) menjawab salah dan terdapat juga 10 responden (10%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut masih rendah. Manakala bilangan responden yang menjawab salah lebih tinggi berbanding responden yang menjawab betul. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah سَاهِلٌ, سَهْلٌ, و يَسْهَلٌ. Berdasarkan soalan tersebut menunjukkan responden cuba memberikan jawapan walaupun tidak dapat menguasai untuk membentuk kata nama tafṣīl yang dikehendaki dalam ayat tersebut. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah.


Kebanyakan responden tidak dapat menguasai kata nama tafđil dalam soalan tersebut. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut. Kemungkinan responden cuba mengelakkan daripada memberikan jawapan yang salah.

#### 5.3.5.4. Kata Nama Keterangan Masa.

Terdapat satu soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama keterangan masa berdasarkan maksud dan kontek ayat. Ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama keterangan masa. Ayat tersebut ialah:

- a. رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ). \_\_\_\_\_ (إِحْتَفَلَ الْمُسْلِمُونَ يَوْمَ وَلَدَ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (ولد) mestilah diubah menjadi kata nama keterangan masa iaitu (مَوْلُودٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.90: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Masa Bagi لَد.


Rajah 5.90 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan masa bagi kata asal **وَلِكَ**. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 78 responden (78%) menjawab dengan betul, terdapat 7 responden (7%) menjawab salah baris, manakala 12 responden (12%) menjawab salah dan terdapat juga 3 responden (3%) tidak menjawab. Berdasarkan graf tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden adalah baik. Kebanyakan responden menjawab betul dan menunjukkan responden dapat menguasai kata nama keterangan masa dalam soalan tersebut. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut adalah ramai. Terdapat sebahagian responden yang menjawab salah. Responden tidak sepatutnya melakukan kesilapan pada soalan tersebut kerana tahap soalan tersebut adalah mudah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah **مَوْلُود**, **مَوْلَيد**, dan **وَالدُّ**. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan sebahagian kecil responden cuba membentuk jawapan yang dirasakan betul walaupun responden tidak menguasai untuk membentuk kata nama keterangan masa dalam ayat tersebut. Terdapat juga responden yang tidak menjawab namun bilangannya sangat sedikit.

#### **5.3.5.5. Kata Nama Keterangan Tempat.**

Terdapat tiga soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama keterangan tempat berdasarkan maksud dan kontek ayat. Tiga ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama keterangan tempat. Ketiga-tiga ayat tersebut diletakkan secara tidak berturutan dalam susunan soalan. Ketiga-tiga ayat tersebut ialah:

a. \_\_\_\_\_ الْحَافِلَةِ .) (يَنْتَظِرُ زَيْدٌ جَدَّهُ فِي وَقَفَ kata asal ialah .

Berdasarkan konteks ayat kata asal (وَقَفَ) mestilah diubah menjadi kata nama keterangan tempat iaitu (مَوْقِفُ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.91: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat Bagi وَقَفَ.

Rajah 5.91 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan tempat bagi kata asal وَقَفَ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 70 responden (70%) menjawab dengan betul, terdapat 6 responden (6%) menjawab salah baris, manakala 22 responden (22%) menjawab salah dan terdapat juga 2 responden (2%) tidak menjawab. Kebanyakan responden dapat menjawab bagi soalan tersebut. Manakala bilangan responden yang menjawab salah adalah rendah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah وَقِفْ وَقِفْ وَقِفْ وَقِفْ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan sebahagian responden cuba membentuk jawapan yang dirasakan betul walaupun responden tidak menguasai untuk membentuk kata nama keterangan tempat dalam ayat tersebut. Namun penguasaan responden terhadap soalan kata nama keterangan tempat tersebut adalah baik.

b. (.\_\_\_\_\_ زَارَ أَحْمَدُ جَدَّهُ فِي) kata asal ialah (اسْتَشْفَى).

Berdasarkan konteks ayat kata asal mestilah diubah menjadi kata nama keterangan tempat iaitu (مُسْتَشْفَى). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




Rajah 5.92: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat Bagi اِسْتَشْفَى

Rajah 5.92 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan tempat bagi kata asal اِسْتَشْفَى. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 85 responden (85%) menjawab dengan betul, terdapat 2 responden (2%) yang menjawab salah baris, manakala 9 responden (9%) menjawab salah dan terdapat juga 4 responden (4%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut sangat tinggi. Manakala bilangan responden yang menjawab salah adalah rendah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah اِسْتَقَى و مُشْتَشَفَى. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat sebahagian kecil responden masih tidak dapat menguasai pembentukan kata keterangan tempat tersebut walaupun perkataan tersebut merupakan kata nama yang selalu digunakan. Kemungkinan responden keliru dengan kata asal yang terdapat penambahan huruf yang diberikan dalam soalan tersebut.

Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

c. \_\_\_\_\_ أَحْمَدُ يَسْكُنُ فِي الطَّلَبَةِ. kata asal ialah (سَكَنٌ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (سَكَنٌ) mestilah diubah menjadi kata nama keterangan tempat iaitu (مَسْكُنٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



Rajah 5.93: Graf Penguasaan Kata Nama Keterangan Tempat Bagi سَكَنٌ.

Rajah 5.93 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama keterangan tempat bagi kata asal سَكَنٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 66 responden (66%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) menjawab salah baris, manakala 28 responden (28%) menjawab salah dan terdapat juga 2 responden (2%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut adalah tinggi. Kebanyakan responden dapat menguasai kata nama keterangan tempat dalam soalan tersebut. Terdapat sebahagian responden yang memberikan jawapan salah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah سُكَانٌ , مَسْكَنَةٌ سَاكِنٌ dan سَكِنٌ . Walaupun bilangan yang menjawab betul lebih tinggi berbanding yang salah, namun kesalahan


tidak seharusnya berlaku pada soalan tersebut, kerana soalan tersebut adalah mudah dan pemilihan perkataan juga adalah perkataan yang mudah dan selalu digunakan. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan bagi soalan tersebut namun bilanganya sedikit. Secara keselurunyanya penguasaan responden terhadap soalan tersebut adalah baik.

#### **5.3.5.6. Kata Nama Alat.**

Terdapat tiga soalan daripada kata asal mesti diubah kepada kata nama alat berdasarkan maksud dan kontek ayat. Tiga ayat telah dipilih untuk menguji keupayaan responden mengubah kata asal kepada kata nama alat. Ketiga-tiga ayat tersebut diletakkan secara tidak berturutan dalam susunan soalan. Ketiga-tiga ayat tersebut ialah:

a. \_\_\_\_\_ (كَسْنٌ) kata asal ialah (كَسْنٌ فَاطِمَةُ حَوْلَ بَيْتِهَا بِجَدِيدَةٍ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (كَسْنٌ) mestilah diubah menjadi kata nama alat iaitu (مَكْنَسٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.94: Graf Penguasaan Kata Nama Alat Bagi گَنْسٌ.**

Rajah 5.94 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama alat bagi kata asal گَنْسٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 57 responden (57%) menjawab dengan betul, terdapat 4 responden (4%) menjawab salah baris, manakala 34 responden (34%) menjawab salah dan terdapat juga 5 responden (5%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan tersebut adalah sederhana. Manakala bilangan responden yang memberikan jawapan yang salah adalah rendah. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah گَنْسٌ، مِكْنَسٌ و گَانْسٌ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa terdapat responden masih tidak dapat membentuk kata nama alat daripada kata asal yang disediakan. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

b. (.\_\_\_\_\_ وَضَعَتُ الْأُمُّ الْفَاكِهَةَ فِي تَلْجٍ) kata asal ialah گَنْسٌ.

Berdasarkan konteks ayat kata asal (تلچ) mestilah diubah menjadi kata nama alat iaitu گَانْسٌ. Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.




**Rajah 5.95: Graf Penguasaan Kata Nama Alat Bagi ٌلچ.**

Rajah 5.95 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama alat bagi kata asal ٌلچ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 21 responden (21%) menjawab dengan betul, terdapat 2 responden (2%) yang menjawab salah baris, manakala 70 responden (70%) memberikan jawapan yang salah dan terdapat juga 7 responden (7%) tidak menjawab. Hanya sebilangan kecil sahaja responden yang berjaya menjawab dengan betul bagi soalan tersebut. Manakala bilangan responden yang menjawab salah adalah sangat tinggi. Antara bentuk jawapan salah yang diberikan ialah مثلكه و مثلچه dan مثلكه.

Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden sangat lemah dalam membentuk kata nama alat bagi soalan tersebut. Responden tidak menguasai dengan baik pembentukan kata nama alat dalam soalan tersebut walaupun kata nama tersebut merupakan kata yang mudah dan asas. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

- c. (. \_\_\_\_\_ دُولَابٌ جَاهِزٌ لِلْبَيْعِ وَعَلَى بَابِهِ قُفلٌ وَ \_\_\_\_\_ فَتَحٌ). kata asal ialah (فَتَحٌ).

Berdasarkan konteks ayat kata asal (فَتَحٌ) mestilah diubah menjadi kata nama alat iaitu (مَفْتَاحٌ). Penguasaan responden terhadap kata nama tersebut ialah seperti yang dijelaskan graf berikut.



**Rajah 5.96: Graf Penguasaan Kata Nama Alat Bagi فَتَحٌ.**

Rajah 5.96 graf menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama alat bagi kata asal فَتَحٌ. Graf tersebut menunjukkan sebanyak 59 responden (59%) menjawab dengan betul, terdapat 2 responden (2%) yang menjawab salah baris, manakala 33 responden (33%) menjawab salah dan terdapat juga 6 responden (6%) tidak menjawab. Bilangan responden yang menjawab betul bagi soalan ini adalah sederhana. Manakala bilangan responden yang memberikan jawapan salah juga tinggi bilangannya. Pelbagai bentuk jawapan yang salah diberikan, antaranya ialah فَاتِحٌ, مَفْتَحٌ, يَفْتَحٌ, and مَفْتَحٌ. Berdasarkan jawapan tersebut menunjukkan bahawa penguasaan responden masih lemah dalam membentuk kata nama alat. Kebanyakan responden tidak dapat menguasai kata nama alat dalam soalan tersebut. Walaupun bilangan responden yang memberikan jawapan yang salah betul lebih ramai berbanding dengan responden yang memberikan jawapan yang salah

namun kesalahan tersebut tidak seharusnya berlaku kerana tahap soalan yang mudah dan perkataan selalu digunakan. Terdapat juga responden yang tidak memberikan jawapan pada soalan tersebut namun bilangannya adalah sedikit.

### **5.3.5.7. Kesimpulan.**

Secara keseluruhannya penguasaan responden terhadap pembentukan kata nama berimbuhan yang bersesuaian untuk mendapatkan makna yang dikehendaki berdasarkan konteks ayat adalah sederhana. Walau bagaimanapun jika diamati dengan teliti penguasaan responden masih lemah. Ini berdasarkan pemerhatian terperinci mendapati ramai responden yang berjaya menjawab dengan betul dalam bilangan yang tinggi adalah pada soalan kebiasaan yang lazim sahaja.

Soalan daripada golongan kata nama pelaku iaitu kata asal mesti diubah kepada kata nama pelaku berdasarkan maksud dan konteks ayat. Berdasarkan konteks ayat kata asal (عَلْمٌ) mestilah diubah menjadi kata nama pelaku iaitu (مُعَلِّمٌ). Kebanyakan responden dapat menjawab dengan betul iaitu seramai 92% responden menjawab dengan betul. Manakala soalan daripada golongan kata nama keterangan masa iaitu kata asal mesti diubah kepada kata nama keterangan masa berdasarkan maksud dan konteks ayat. Berdasarkan konteks ayat kata asal (مَوْلَدٌ) mestilah diubah menjadi kata nama keterangan masa iaitu (مُوْلَدٌ). Kebanyakan responden dapat menjawab dengan betul iaitu seramai 78% responden menjawab dengan betul. Responden juga berjaya menjawab dengan baik pada Soalan daripada golongan kata nama keterangan tempat iaitu kata asal mesti diubah kepada kata nama keterangan tempat berdasarkan maksud dan konteks ayat.

Berdasarkan konteks ayat kata asal (الْسَّمْعُ) mestilah diubah menjadi kata nama keterangan tempat iaitu (الْمُسْتَشْفَى). Kebanyakan responden dapat menjawab dengan betul iaitu seramai 85% responden menjawab dengan betul.


Walau bagaimanapun tiga bentuk soalan yang berjaya dijawab dengan baik adalah bentuk kata nama yang sering digunakan dan penggunaan yang meluas seperti kata nama (الْمُسْتَشْفَى). Persoalannya adakah responden dapat menguasai pembentukan kata nama tersebut dengan baik atau hanya meneka berdasarkan kebiasaan penggunaan yang sering digunakan.

Keseluruhan penguasaan responden terhadap pola kata nama berimbuhan seperti yang dijelaskan dalam jadual dan carta berikut:

**Rajah 5.97: Jadual Analisis Keseluruhan Ujian Pembentukkan Kata Nama Berimbuhan.**

Soalan		Jawapan Pelajar (%)			
		Betul	Salah Baris	Salah	Tidak Menjawab
<b>Kata Nama Pelaku</b>	a	92	8	0	0
	b	31	5	56	7
	c	35	0	62	3
<b>Kata Nama Objek</b>	a	31	4	64	1
	b	21	5	64	10
	c	29	5	60	6
<b>Kata Nama Tafđil</b>	a	32	2	60	6

	b	51	7	39	3
	c	41	0	49	10
<b>Kata Nama</b>	a	78	7	12	3
<b>Keterangan Masa</b>					
<b>Kata Nama</b>	a	70	6	22	2
<b>Keterangan</b>	b	85	2	9	4
<b>Tempat</b>	c	66	4	28	2
<b>Kata Nama Alat</b>	a	57	4	34	5
	b	21	2	70	7
	c	59	2	33	6
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>799</b>	<b>63</b>	<b>662</b>	<b>75</b>



**Rajah 5.98: Carta Pai Analisis Keseluruhan Ujian Makna Kata Nama Berimbuhan.**